94/ 2026

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI

SIARAN MEDIA

HPPK 2026 CATAT JUALAN RM715,000, POTENSI PEMBIAYAAN RM9.48 JUTA

PUTRAJAYA, 2 NOVEMBER 2026 – Karnival Hari Penjaja dan Peniaga Kecil Peringkat Kebangsaan 2026 (HPPK 2026) yang berlangsung selama tiga hari di Dataran MPKj, Stadium Kajang, berjaya menarik 58,967 pengunjung, melepasi sasaran awal 50,000 orang.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, YB Encik Steven Sim Chee Keong, berkata, karnival anjuran Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) itu turut mencatatkan jualan sebanyak RM715,000, melebihi sasaran RM500,000 sebanyak 43 peratus.

HPPK 2026 juga mencatatkan padanan perniagaan bernilai RM1.5 juta, selain potensi pembiayaan sebanyak RM9.5 juta, hampir dua kali ganda daripada sasaran awal RM5 juta.

Pencapaian ini membuktikan bahawa HPPK bukan sekadar karnival jualan, tetapi turut menjadi platform untuk penjaja dan peniaga kecil mendapatkan akses pembiayaan, membina jaringan perniagaan serta mencari peluang pasaran baharu.

HPPK 2026 yang berlangsung dari 30 Oktober hingga 1 November menghimpunkan **300 penjaja dan peniaga kecil dari seluruh negara**, dengan tema *"Penjaja dan Peniaga Kecil Bestari: Pemangkin Ekonomi MADANI"*.

Selain menyediakan ruang jualan, HPPK turut menawarkan khidmat nasihat pembiayaan, padanan perniagaan, latihan keusahawanan serta pendedahan kepada teknologi dan pemasaran digital bagi membantu peniaga mengembangkan perniagaan masing-masing.

Majlis penutupan HPPK 2026 telah disempurnakan oleh Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, yang turut menyampaikan Anugerah Kecemerlangan Penjaja dan Peniaga Kecil AKPPK 2026 kepada 10 orang penerima sebagai pengiktirafan kepada usahawan yang cemerlang dalam pelbagai kategori. Seramai 43 pencalonan telah diterima dan terdiri daripada usahawan agensi KUSKOP iaitu TEKUN, AIM, SMECorp dan INSKEN.

Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
ukk@kuskop.gov.my

Turut hadir ialah Menteri Besar Selangor, YAB Dato' Seri Amirudin Shari; Menteri Pendidikan, YB Fadhlina Sidek; serta Presiden Gabungan Persatuan-Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu Malaysia, YBhg. Dato' Zainal Abidin bin Dato' Haji Abdul Majid.

Hebatkan Perniagaan Malaysia

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI
2 NOVEMBER 2026

Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
ukk@kuskop.gov.my